

PENGGUNAAN SOALAN KBAT DALAM KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Ismail Hj Raduan, PhD
Syed Ismail Syed Mustapa, PhD
Ahmad Subki Miskon
Noor Fitriyati Abdul Samad

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Malaysia
Email: ismail@ipgkik.edu.my (No Telefon: +60139219091)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penggunaan soalan yang mempunyai elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam kalangan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur (IPGKIK). Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik berskala lima mengandungi tiga konstruk. Data ini dianalisis secara deskriptif. Sampel terdiri daripada 119 orang pensyarah (lelaki 37% dan perempuan 73%) daripada pelbagai jabatan. Dapatkan menunjukkan bahawa kefahaman pensyarah tentang penggunaan soalan KBAT semasa proses PdP berlangsung di bilik darjah berada pada tahap yang tinggi ($\text{min}=4.06$, $\text{SP}=0.54$). Sementara itu, pengetahuan pensyarah terhadap faktor yang menentukan soalan KBAT semasa PdP ($\text{min}=3.38$, $\text{SP}=0.49$) dan tujuan menggunakan soalan KBAT semasa proses PdP berlangsung di bilik darjah ($\text{min}=3.64$, $\text{SP}=0.48$) berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya pensyarah di IPGKIK berada pada tahap sederhana tinggi ($\text{min}=3.68$, $\text{SP}=0.38$) dalam penggunaan soalan KBAT semasa PdP berlangsung. Semasa melaksanakan KBAT, tidak ada perbezaan antara jantina ($\text{min lelaki}=0.38$, $\text{min perempuan}=0.36$ pada $t=0.025 < 0.05$, $df=73$). Ini juga dapat dilihat daripada perbezaan yang kecil iaitu 0.20 antara lelaki dan perempuan.

Kata kunci: elemen kemahiran berfikir aras tinggi, HOTs, penggunaan soalan KBAT